



## UPM Tawar Pengambilan 5,103 Pelajar Baharu



*Gelagat ibu bapa menghantar anak mereka ke universiti adalah lumrah yang boleh dilihat semasa pendaftaran pelajar baharu.*

**SERDANG, 4 Julai** – Universiti Putra Malaysia (UPM) mengunjurkan pengambilan 5,103 pelajar baharu melalui 60 kursus yang ditawarkan bagi Semester Pertama Sesi 2010/2011 pada 3 dan 4 Julai baru-baru ini.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM, Prof. Dr. Mohd Fauzi Ramlan berkata jumlah tersebut membabitkan pelajar bachelo seramai 3,717 orang, pelajar diploma 884 dan Asasi Sains Pertanian 502.

Beliau berkata penuntut yang tidak mendapat tawaran ke UPM boleh membuat rayuan dalam masa dua minggu dari sekarang untuk mengelakkan mereka ketinggalan kuliah.



*Prof. Dr. Mohd Fauzi memberi ulasan dalam sidang media bersama wartawan.*

Katanya nisbah pelajar perempuan sebanyak 3453 berbanding pelajar lelaki 1649 disebabkan oleh proses meritokrasi yang memilih pelajar cemerlang sahaja akan mendapat

tempat di IPTA.

“Tahun ini lima bidang paling mendapat sambutan pelajar ialah bidang perakaunan, perubatan, kejuruteraan, kesihatan bersekutu dan pendidikan kerana mempunyai peluang pekerjaan cerah.



*Antara pelajar baharu yang mendaftar di kolej kediaman masing-masing.*

Katanya, pelajar juga akan mengikuti Minggu Perkasa Putra selama seminggu yang akan membantu mereka mengenali kampus sebelum sesi pembelajaran bermula.

“Setelah mencapai status swa-akreditasi baru-baru ini, UPM akan meningkatkan modal insan dengan menghasilkan graduan yang memenuhi nilai pasaran semasa.

**Antara suasana yang dapat dilihat semasa pendaftaran pelajar baharu UPM sesi 2010/2011.**







**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.  
(Mohd Faisal Md Noor, 03-89466013, Fotografi Noorazreen Awang, 03-89466199).**